

**Ekonomi Myanmar tak jejas Malaysia**  
**Utusan Online**  
**09 Mac, 2012**

JOHOR BAHRU 8 Mac - Pertumbuhan pesat ekonomi Myanmar tidak akan mengurangkan pelaburan langsung asing (FDI) ke negara ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Tun Dr. Mahathir berkata, Malaysia akan terus menjadi tumpuan pelabur asing kerana fokus negara pada waktu ini adalah kepada industri berteknologi tinggi.

Beliau berkata, Myanmar pula lebih tertumpu kepada pelaburan dalam industri berasaskan buruh seperti pembalakan.

"Malaysia akan terus menerima kemasukan pelaburan baharu di dalam pelbagai sektor dan kita juga tidak begitu berminat kepada pelaburan di dalam sektor berasaskan buruh," katanya ketika ditemui pemberita selepas mengadakan lawatan ke kilang Technip Asiaflex Products Sdn. Bhd. di Tanjung Langsat, Pasir Gudang dekat sini hari ini.

Dalam pada itu, Mukhriz memberitahu, sebanyak 846 projek perkilangan diluluskan di negara ini pada tahun lalu melibatkan pelaburan sebanyak RM56.1 bilion.

Beliau berkata, daripada jumlah tersebut, 39.2 peratus atau RM22 bilion merupakan pelaburan tempatan, manakala baki 60.8 peratus atau RM34.1 bilion adalah hasil daripada pelaburan asing

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0309&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek\\_03.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0309&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_03.htm)